



BANGUNAN CANSELORI



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat  
 Universiti Sains Islam Malaysia  
 Bandar Baru Nilai  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan  
 Tel : 06-7988028 / 8026 Faks : 06-7988041  
 Email : pro@usim.edu.my

## PROGRAM BARU USIM MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menerima sejumlah 105 pelajar sulung untuk mengikuti empat program baru yang telah ditawarkan oleh Universiti untuk sesi pengajian 2008/2009 ini. Fakulti Ekonomi dan Muamalat menawarkan dua program baru, iaitu **Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dan Hubungan dengan Kepujian dan Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian**. Manakala, Fakulti Sains dan Teknologi menawarkan **Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan) dan Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri)**.

Program Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dan Hubungan dengan Kepujian ditawarkan oleh USIM sehubungan kekurangan graduan profesional dalam bidang pentadbiran korporat dan hubungan pelabur. Antara matlamat program ini, selain untuk melahirkan graduan yang mempunyai pendidikan sepadu antara bidang profesional pentadbiran korporat dan hubungan dengan sentuhan pendidikan Islam, ialah untuk mengembangkan prinsip-prinsip pengurusan Islam dalam profesion Pentadbiran Korporat dan Hubungan. Kajian pasaran yang telah dibuat menunjukkan

Prof. Dr. Jalani Sukaimi,  
 Dekan Fakulti Sains dan  
 Teknologi

terdapat permintaan tinggi terhadap graduan kursus ini sehubungan program yang ditawarkan akan memenuhi kehendak organisasi dan mampu untuk memberikan peluang kerjaya yang bersesuaian dengan kelayakan yang diperolehi. Menurut Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah, fakulti telah mengambil langkah proaktif dengan berunding dengan *Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)*, *Institute of Investor Relations* malah berkerjasama dengan *Malaysian Association of Tax Accountants (MATA)* untuk menjadikan silibus pelbagai kursus dalam program ini bersifat multi-disiplin yang memberikan nilai tambah kepada pelajar yang mengikuti program ini.

Penawaran Ijazah Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di atas potensi sambutan yang menggalakkan diterima kepada pelaksanaan sistem perbankan dan kewangan Islam di negara ini. Program ini tidak ditawarkan di mana-mana universiti di Malaysia lagi dan USIM mengambil peluang untuk menawarkan program ini berikutan terdapat permintaan dari pasaran yang mahukan Perancang Kewangan dan Pengurusan Harta berteraskan Islam. Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah, Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat berkata, fakulti akan mengadakan kerjasama dengan dua badan profesional iaitu *Financial Planning Association of Malaysia* dan *Malaysian Financial Planning Council* yang akan memberi pengiktrafan kepada program ini untuk melayakkan graduan menjadi *Certified Financial Planner atau Registered Financial Planner*.

Pengeluaran ahli sains profesional sangat diperlukan oleh pelbagai sektor industri. Menyedari hakikat ini, USIM melalui Fakulti Sains dan Teknologi menawarkan program yang mampu memenuhi kehendak pasaran. Untuk sesi pengajian 2008/2009 ini, Fakulti Sains dan Teknologi memperkenalkan dua program baru iaitu Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan) dan Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri). Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan) ditawarkan di USIM berikutan bidang yang mula mendapat tumpuan pada masa kini dan diyakini dapat membentuk satu lapangan yang merupakan pemangkin kepada pembangunan sektor perindustrian Malaysia. Penawaran kursus berunsur agama Islam akan dapat menyepadukan sains dan teknologi dengan etika Islam dalam membentuk satu ceruk, yang merupakan kelebihan dalam pembangunan fizik gunaan serta pelbagai bidang yang berkaitan dengannya. Struktur kurikulum program ini telah diperkemas di mana ia perkukuhkan dengan tiga sub-pengkhususan (mikroelektronik, optik dan sains bahan). Penawaran program Fizik Gunaan dengan input Islam masih belum ditawarkan oleh IPTA lain dan USIM mengambil peluang tersebut.



Prof. Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah, Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Teknologi Industri Kimia menjadi antara bidang yang dipergiatkan untuk membantu peningkatan penguasaan maklumat sains dan teknologi dalam pembangunan tekno-sosio-ekonomi, pendidikan dan penyelidikan negara. Oleh itu, Fakulti Sains dan Teknologi menawarkan Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri) dalam usaha menjadikan industri kimia perindustrian sebagai enjin pertumbuhan negara. Program ini diharapkan dapat membentuk satu lapangan yang merupakan pemangkin kepada pembangunan sektor perindustrian Malaysia di mana pengeluaran ahli sains profesional Islam sangat diperlukan oleh pelbagai sektor industri. Graduan Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri) mempunyai peluang kerjaya di pelbagai sektor industri seperti industri perubatan dan kesihatan, kosmetik dan farmaseutikal, makanan, oleokimia, polimer dan bahan sintetik dan pelbagai industri lagi. Dekan Fakulti Sains dan Teknologi, Prof. Dr. Jalani Sukaimi juga mengharap graduan mempunyai pengetahuan, kemahiran komunikasi dan bersifat analitikal yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara melalui bidang masing-masing.

### Program Anjuran USIM

Bil.	Peristiwa	Tarikh/Tempat
1.	'Festival Cipta Lagu Patriotik 2008 (CIPTA)' dianjurkan bersama Jabatan Penjara Malaysia	Tarikh : 2 Ogos 2008 (Sabtu) Masa : 8.30 malam Tempat : Auditorium Cempaka Sari, Putrajaya
2.	'Hari Memperingati Pengeboman Hiroshima Dan Nagasaki 2008 Anjuran FST'	Tarikh : 6 Ogos 2008 (Rabu) Masa : 9.00 pagi Tempat : Dewan Kuliah Pusat 3, USIM Anjuran : Fakulti Sains & Teknologi
3.	'4th Tuanku Najihah Syariah And Law Lecture 2008'	Tarikh : 7 Ogos 2008 (Khamis) Masa : 9.00 pagi Tempat : Hotel Istana, Kuala Lumpur
4.	International Seminar on Comparative Law - ISCOM2008	Tarikh : 18-20 November 2008 Tempat : Hotel Marriot Putrajaya Anjuran : Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM
5.	3rd Health Seminar Faculty of Medicine & Health Sciences	Tarikh : 22-23 November 2008 Tempat : Hotel Legend KL Anjuran : Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
6.	Seminar on Food Biotechnology	Tarikh : 25-26 November 2008 Tempat : Hotel Equatorial Bangi Anjuran : Fakulti Sains & Teknologi USIM disokong oleh Malaysian Institute of Food Technology (MIFT)

Untuk maklumat lanjut tentang program-program yang ditawarkan, sila hubungi:-

**BAHAGIAN AKADEMIK**  
 Universiti Sains Islam Malaysia  
 Bandar Baru Nilai  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan  
 Tel : 06-798 8144/8335/8326